

Utusan Malaysia
18 March 2022

Earth Hour bersama Sun Life Malaysia

PETALING JAYA: Sun Life Malaysia telah berganding bahu dengan Lilin+Co, syarikat pengeluar lilin wangi minimalis dan moden jenama tempatan, untuk menawarkan set koleksi lilin soya bertema 'Satu Jam, Satu Dunia, Demi Masa Depan Kita' sempena *Earth Hour* 2022 pada 26 Mac ini dari 8.30 hingga 9.30 malam.

Usaha itu bagi menggalakkan lebih ramai orang menutup lampu yang tidak perlu, membakar lilin, dan meningkatkan kesedaran tentang kelestarian dan perubahan iklim.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Presiden/Ketua Negara Sun Life Malaysia, Raymond Lew berkata, syarikat penyedia insurans hayat dan takaful keluarga itu menumpukan usaha kelestarian kepada tiga tunggak utama iaitu meningkatkan jaminan kewangan, membina gaya hidup lebih sihat dan menggalakkan pelaburan lestari.

"Pada 2022, kami bercadang menggiatkan usaha membantu pelanggan dan masyarakat kami mengamalkan gaya hidup yang lestari," katanya dalam kenyataan.

Jelasnya, kerjasama dengan Lilin+Co bersemepena *Earth Hour* 2022 adalah satu daripada pelbagai cara Sun Life Malaysia mendorong lebih ramai orang untuk mengambil langkah-langkah aktif dalam kehidupan harian mereka demi membina masa depan yang lebih lestari dan hijau.

Menerusi kerjasama ini katanya, Sun Life Malaysia memberi peluang kepada rakyat Malaysia meluangkan masa sejam dalam suasana gelap dan damai sambil ditemani bukan satu, tetapi tiga lilin wangi.